




DRAF TEKS UCAPAN ALUAN

**YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU
MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**

MAJLIS PERASMIAN



NATIONAL INNOVATION AND CREATIVE ECONOMY EXPO 2017
(NICE'17)

12 OKTOBER 2017

TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA

YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
Timbalan Perdana Menteri

**YANG BERHORMAT DATUK WIRA DR. ABU BAKAR MOHAMAD
DIAH**
Timbalan Menteri Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi

**YANG BERBAHAGIA DATUK SERI DR. MOHD AZHAR BIN HJ.
YAHAYA**
Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)

Dif-Dif Jemputan,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri, Datuk-Datuk, Datin-Datin,

Rakan- rakan media,

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian.

(SALUTATION AKAN DIKEMASKINI KEMUDIAN)

Salam Sejahtera, Salam Negaraku Sehati Sejiwa

ALU-ALUAN

1. Bersyukur kita kepada Tuhan kerana dengan Izin-Nya jua, kita dapat bersama-sama berhimpun pada hari ini dalam Majlis Perasmian *National Innovation and Creative Economy Expo 2017 (NICE 2017)*.
2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri kerana sudi hadir ke majlis pada hari ini dan seterusnya merasmikan NICE 2017. Kehadiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr., membuktikan sokongan yang padu dalam menjayakan agenda Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) negara.
3. Saya dan seluruh warga MOSTI berasa amat teruja dengan penganjuran Ekspo STI terbesar yang julung-julung kalinya diadakan di negara ini. Penganjuran Program ini merupakan satu pembaharuan dalam usaha membangun dan menyemai budaya inovasi dan kreativiti dalam segenap lapisan masyarakat.

4. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam penganjuran program ini. Untuk makluman semua, penganjuran kali ini mendapat sokongan daripada **24 Kementerian, 7 jabatan/agensi, 14 institut pengajian tinggi (IPT) dan 37 buah syarikat swasta**. Terima kasih saya ucapkan kepada semua yang terlibat atas kerjasama yang diberikan kepada penganjuran NICE 2017.

YAB dan Para hadirin sekalian,

PENGANJURAN NICE

5. Dengan bertemakan “**Negaraku Berinovasi**”, NICE 2017 dianjurkan selaras dengan aspirasi untuk menjadikan inovasi dan ekonomi kreatif sebagai fokus utama negara peningkatan minat terhadap STI dan pembudayaan kreativiti dan inovasi adalah 2 elemen penting yang berupaya merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi baharu menjelang 2050.

6. NICE juga dianjurkan untuk mengarusperdanakan sains, teknologi dan inovasi (STI) dalam pembangunan sosio-ekonomi di Malaysia. Penganjuran NICE 2017 juga diharapkan akan memberi impak yang baik kepada usaha menggalakkan aktiviti pengkomersialan produk dan perkhidmatan yang dihasilkan melalui R&D.

7. Selain aktiviti berbentuk forum dan bengkel, Ekspo NICE 2017 dirancakkan dengan 10 *signature programme* yang merangkumi pertandingan, pameran dan *edutainment*. Antara program menarik yang

ialah pertandingan *drone*, pameran *Journey to Malaysia 2050 - Showcasing the Future* dan *KL Science Fiction Convention*

8. Untuk makluman YAB dan juga para hadirin sekalian, MOSTI mengambil keputusan untuk menganjurkan NICE 2017 di Technology Park Malaysia ini untuk mempopularkan dan menjadikan kawasan ini sebagai satu ekosistem teknologi dan inovasi terbesar di Malaysia. Pada masa ini, pelbagai agensi utama berkaitan R&D dan inovasi seperti TPM yang bertindak sebagai pusat inkubator, MIMOS, SIRIM dan lain-lain agensi telah bertapak di TPM dan menggunakan fasiliti sedia ada. **YAB dan Para hadirin sekalian,**

PEMUPUKAN KESEDARAN STEM

9. Dalam persediaan kita menghadapi cabaran Revolusi Perindustrian Ke-4 ataupun IR 4.0, daya saing negara amat bergantung kepada penguasaan dalam pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik atau ringkasnya STEM. Kemajuan teknologi pastinya akan mengubah bidang pekerjaan pada masa hadapan dan mewujudkan keperluan kepakaran baharu bagi memenuhi permintaan sektor industri.

10. Akan ada teknologi-teknologi baru yang memberi kuasa kepada teknologi yang sedia ada pada masa depan, dan apa yang boleh teknologi ini lakukan, adalah sesuatu yang menakjubkan. Ini pasti akan membantu menyelesaikan masalah yang ada di masa depan

11. *World Economic Forum* (2016) melaporkan bahawa sebanyak 65% kanak-kanak yang berada di sekolah rendah pada hari ini akan bekerja dalam bidang baharu yang berlandaskan STEM pada masa hadapan.

Oleh itu, pemupukan kesedaran terhadap kepentingan STEM adalah penting agar generasi akan datang meminati dan menceburi bidang STEM.

YAB dan Para hadirin sekalian,

TAHUN PENGKOMERSIALAN MALAYSIA (MCY)

12. MOSTI juga komited dalam pemindahan teknologi sebagai agenda untuk meningkatkan produktiviti, menyelesaikan masalah, sumber penjana pendapatan dan meningkatkan keselesaan dan kesejahteraan hidup rakyat.

13. YAB Perdana Menteri, semasa pembentangan Bajet 2016, telah mengisytiharkan **tahun 2016 sebagai Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY 2016)**. Sasaran utama adalah bagi melonjakkan hasil penyelidikan, pembangunan dan inovasi (R,D&I) daripada institusi penyelidikan tempatan sebagai penjana kekayaan melalui proses pengkomersialan. MCY 2016 juga diilhamkan sebagai satu platform untuk meningkatkan kesedaran pihak berkepentingan dan rakyat tentang kepentingan dan potensi inovasi dan pengkomersialan dalam meningkatkan pendapatan negara. Bagi tahun 2017, MCY 2.0 telah yang dijalankan secara NBOS dengan Kementerian Kewangan.

14. Dalam menggalakkan pembudayaan inovasi di samping memacu perkembangan industri, MOSTI telah memperkenalkan program *Innovator Dynamics*. Program ini merupakan satu inisiatif Kementerian

dalam usaha mengenal pasti isu-isu di sektor industri terpilih seperti getah dan kelapa sawit dan mengenal pasti kaedah untuk mengatasi isu-isu tersebut melalui penggunaan teknologi. Program ini membuktikan iltizam Kerajaan dalam usaha membantu meningkatkan produktiviti dan kecekapan sesebuah industri melalui penggunaan/adaptasi teknologi moden.

YAB dan Para hadirin yang dihormati sekalian,

15. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri kerana sudi hadir ke majlis pada hari ini. Saya juga mengharapkan agar seluruh rakyat Malaysia dapat memberi sokongan kepada kementerian kami dengan turun beramai-ramai ke NICE 2017 dan alamilah sendiri teknologi hari ini dan masa hadapan dalam NICE 2017. Sokongan seluruh rakyat Malaysia pastinya dapat membangkitkan lagi semangat seluruh warga MOSTI untuk terus berusaha keras untuk merakyatkan inovasi ke segenap lapisan masyarakat.

Sekian, terima kasih.